

**ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN  
DAN AHLI DEWAN NEGERI (SARAAN) 1980  
ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5**

Menurut seksyen 5 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 [Enakmen No. 8/1980], Raja mengarahkan elaun dan keistimewaan bagi Ahli Dewan Negeri seperti berikut:

**1. ELAUN KERAIAN**

Layak dibayar sebanyak RM1,000.00 sebulan.

**2. ELAUN KHAS**

Layak dibayar sebanyak RM1,000.00 sebulan.

**3. TELEFON**

(a) Bayaran elaun telefon sebanyak RM500.00 sebulan.

(b) Diberikan kemudahan sebuah telefon bimbit sekali sepenggal dengan kos tidak melebihi RM2,000.00 yang dibeli sendiri oleh Ahli Dewan Negeri dan seterusnya membuat tuntutan berserta resit kepada Pejabat Jurutulis.

**4. ELAUN TETAP PERJALANAN**

Layak dibayar sebanyak RM500.00 sebulan.

**5. ELAUN TETAP PEMANDU KERETA**

Layak dibayar elaun tetap bulanan pemandu kereta sebanyak RM1,000.00 sebulan tanpa mengemukakan bukti menggaji pemandu kereta.

**6. KEMUDAHAN POS**

Layak dibayar sebanyak RM200.00 sebulan.

**7. ELAUN MESYUARAT**

Layak dibayar atas kadar RM75.00 sehari dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Mesyuarat yang dihadiri adalah mesyuarat rasmi atas undangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan sebagai Ahli Dewan Negeri dan dibayar bagi hari bermesyuarat sahaja.
- (b) Berkelayakan mendapat satu bayaran sahaja walaupun menghadiri lebih dari satu mesyuarat pada hari yang sama.
- (c) Tidak layak menuntut elaun mesyuarat sekiranya telah dibayar elaun mesyuarat dalam Lembaga Pengarah Syarikat berkaitan kerajaan atau badan-badan berkanun.

**8. ELAUN HARIAN SEMASA BERTUGAS RASMI**

- (a) Sekiranya tugas rasmi tersebut dilakukan di luar pejabat/tempat kediaman di dalam negeri sendiri, elaun ini dibayar atas kadar RM100.00 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya.
- (b) Sekiranya tugas rasmi tersebut dilakukan di luar Malaysia, elaun ini dibayar atas kadar RM200.00 tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya.

**9. ELAUN MAKAN SEMASA BERTUGAS RASMI**

- (a) Di luar lingkungan 32 km daripada pejabat/luar negeri sendiri elaun ini dibayar atas kadar yang setaraf dengan Pegawai Kerajaan Pegawai Kerajaan Gred N54 atau bersamaan RM85.00.
- (b) Di luar Malaysia elaun ini dibayar atas kadar yang setaraf dengan Pegawai Kerajaan Pegawai Kerajaan Gred N54 atau bersamaan RM320.00.

## **10. SEWA HOTEL SEMASA BERTUGAS RASMI**

- (a) Bayaran sewa hotel semasa bertugas rasmi di luar ibu pejabat/tempat kediaman iaitu di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari ibu pejabat/tempat kediaman atau di luar negeri sendiri dan memerlukan bermalam di luar tempat kediaman, adalah atas perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had maksimum RM500.00 semalam, termasuk bayaran perkhidmatan (service charge) dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel dan hendaklah disokong dengan resit.
- (b) Bayaran sewa hotel semasa bertugas rasmi di luar Malaysia adalah sebanyak perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had maksimum RM500.00 semalam dan hendaklah disokong dengan resit. Bayaran perkhidmatan (service charge), cukai dan lain-lain bolehlah dikira sebagai sebahagian daripada kadar bayaran sewa hotel itu.
- (c) Layak menuntut elaun lojing sebanyak RM70.00 semalam jika tidak menuntut bayaran hotel.

## **11. ELAUN PERJALANAN KENDERAAN**

- (a) Elaun perjalanan kenderaan bagi menghadiri upacara rasmi atau mesyuarat rasmi atas undangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan sebagai Ahli Dewan Negeri layak dituntut menurut kadar hitungan yang tertinggi sekali bagi kelas A untuk Pegawai Kerajaan.
- (b) Jika tidak menggunakan kereta sendiri bagi maksud di perenggan kecil (a), bayaran tambang sebenar pengangkutan awam layak dituntut.

## **12. BELANJA PELBAGAI**

Belanja pelbagai bagi perjalanan rasmi berhubung dengan menghadiri upacara rasmi atau mesyuarat rasmi atas undangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan sebagai Ahli Dewan Negeri layak dituntut seperti berikut:

- (a) Tambang pengangkutan awam jika tidak menggunakan kereta sendiri;
- (b) Belanja dobi yang disokong dengan resit semasa penginapan di hotel;

- (c) Bayaran cukai lapangan terbang yang disokong dengan resit;
- (d) Bayaran “Excess baggage” untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit;
- (e) Bayaran tempat letak kereta dan bayaran “toll” yang disokong dengan resit;
- (f) 25 peratus dari perbelanjaan makan bagi maksud “tips”, “gratuities” atau “porterage” semasa bertugas rasmi di luar Malaysia;
- (g) 3 peratus daripada jumlah tuntutan perjalanan di luar Malaysia sebagai ganti rugi berkaitan pertukaran mata wang asing.

### **13. KELAYAKAN PERJALANAN**

- (a) Bagi perjalanan rasmi dalam negeri dengan menaiki kapal terbang, Ahli Dewan Negeri layak menuntut tambang kapal terbang Kelas Perniagaan.
- (b) Bagi perjalanan rasmi luar Malaysia dengan menaiki kapal terbang, Ahli Dewan Negeri layak menuntut tambang kapal terbang Kelas Ekonomi.

### **14. ELAUN PAKAIAN PANAS**

Ahli Dewan Negeri yang menjalankan tugas rasmi di luar Malaysia di negara beriklim sederhana adalah layak menuntut elaun pakaian panas atas kadar RM1,500.00 sekali dalam tempoh 3 tahun; dengan syarat tuntutan tersebut dibuat sebelum pergi ke luar Malaysia atau selewat-lewatnya satu bulan selepas balik ke Malaysia.

### **15. ELAUN PAKAIAN RASMI ISTIADAT**

Layak dibekalkan dengan percuma dalam tempoh 3 tahun sekali.

**16. LESEN KERETA MOTOR**

Satu lesen percuma kereta motor layak dibekalkan bagi sebuah kereta yang didaftarkan atas nama sendiri.

**17. LESEN SENJATA API**

Lesen percuma bagi satu senjata api yang didaftarkan atas nama sendiri adalah dibekalkan.

**18. LENCANA KERETA**

Satu lencana kereta percuma dibekalkan oleh Kerajaan Negeri.

**19. KAD AHLI DEWAN NEGERI**

Satu kad Ahli Dewan Negeri percuma yang ditandatangani sendiri oleh Speaker Dewan Negeri layak dibekalkan.

**20. WARTA KERAJAAN**

Dibekalkan percuma satu naskhah Warta Kerajaan Negeri bagi tiap-tiap keluaran semasa.

**21. KEMUDAHAN PERUBATAN**

- (a) Diberi kemudahan rawatan dan perubatan secara percuma. Dikecualikan daripada bayaran wad di hospital-hospital serta klinik-klinik Kerajaan dan berkecualan mendapat tempat di dalam wad kelas satu bilik berseorangan melainkan di dalam keadaan kecemasan di mana Ahli Dewan Negeri itu terpaksa mendapatkan rawatan dan perubatan di sesuatu hospital atau klinik swasta, (tetapi tidak termasuk rawatan pergigian), bayaran mengenainya serata bayaran wad akan dibayar balik oleh Kerajaan dengan syarat mematuhi peraturan perbelanjaan untuk rawatan kecemasan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009 atau apa-apa pindaan mengenainya.

- (b) Ketika berada di luar Malaysia semasa menjalankan tugas rasmi, Kerajaan akan membayar balik sepenuhnya bayaran rawatan dan perubatan termasuk bayaran wad di hospital tetapi tidak termasuk rawatan pergigian.
- (c) Seseorang Ahli Dewan Negeri yang memerlukan rawatan khas di luar Malaysia layak mendapat kemudahan atas syarat-syarat yang sama seperti dinikmati oleh Pegawai Kerajaan.
- (d) Kemudahan perubatan ini dipanjangkan juga kepada Ahli Dewan Negeri. Bagi maksud ini “keluarga” bermakna-
  - (i) Isteri atau suami;
  - (ii) Anak yang ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Dewan Negeri dan berumur di bawah 21 tahun kecuali anak-anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani yang mana had umur ini tidak dipakai;
  - (iii) Ibu bapa yang sah untuk menerima rawatan di Hospital-Hospital / Klinik-Klinik Kerajaan sahaja.

## **22. PINJAMAN KERETA**

- (a) Ahli Dewan Negeri layak memohon pinjaman kereta sehingga maksimum RM100,000.00 untuk sekali dalam tempoh 6 tahun dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 4 peratus setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai.
- (b) Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dalam masa tidak melebihi 60 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 48 bulan bagi sebuah kereta yang sudah dipakai atau sebelum tamat tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negeri.
- (c) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan lain mengenai pinjaman kereta bagi Ahli Dewan Negeri adalah seperti ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

### **23. PINJAMAN PERUMAHAN**

Ahli Dewan Negeri layak memohon pinjaman perumahan sebagaimana syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

### **24. BEKALAN LAPTOP**

Kemudahan sebuah laptop sekali sepenggal dibeli sendiri oleh Yang Berhormat dengan kos tidak melebihi RM3,000.00 dan seterusnya membuat tuntutan berserta resit kepada Pejabat Jurutulis.

### **25. KEMUDAHAN PERBELANJAAN MELANJUTKAN PELAJARAN DI DALAM DAN LUAR NEGERI**

Diberikan kemudahan perbelanjaan melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri dengan permohonan dan persetujuan pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

Arahan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2015. Arahan terdahulu bagi Ahli Dewan Negeri adalah dibatalkan.

Diperbuat pada 10 Mei 2015

[SUKJ.DN.331/02/3-6(8) ; PUNJ.PP.950-4/REF/U20/2014(4)]

Dengan Titah Perintah,

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
*Menteri Besar Johor*